

Hussein orang pertama terima darjah Sri Paduka NS

SRI MENANTI 26 Feb. —Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn merupakan orang pertama menerima bintang Darjah Sri Paduka Negeri Sembilan [SPNS] yang dianugerahkan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Baginda telah menganugerahkan bintang tersebut kepada Datuk Hussein dalam satu Istiadat pengurniaan kali kedua sempena hari keputeraan baginda yang ke 57 di Balai Rong Seri Istana Besar, di sini hari ini.

Darjah tersebut membawa gelaran Datuk Sri Utama

Datin Suhaila turut

sama dalam Istiadat tersebut.

Datuk Hussein telah mengetuai 111 orang penerima dalam Istiadat pagl ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Tan Sri Hashim bin Aman telah dikurniakan darjah Datuk Setia Negeri Sembilan dalam upacara yang sama.

Turut menerima penganugerahan ialah Pengerusi UDA Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid yang dianugerahkan pingat Darjah Setia Negeri Sembilan (DSN).

Pingat Pekerti Terpilih telah dikurniakan ke-

pada Timbalan Pengarah Institut Teknologi MARA, Haji Mohd. Tahir bin Haji Abd. Majid.

Dua orang telah dilantik sebagai Jaksa Pendaмай iaitu Tengku Abdul Razak bin Tengku Abdul Mulok dan Haji Mohd. Yusof bin Tamat.

Yang Dipertuan Besar juga mengurniakan tiga Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Penerima-penerima ialah Pegawai Daerah Port Dickson Encik Ahmad Bakhir bin Haji Mohamed, Timbalan Ketua Siasatan Jenayah

Negeri Sembilan, Encik Abdul Manaf bin Haji Naim dan Pegawai Jabatan Hal Ehwat Orang Asli, Kuala Krai Kelantan, Encik Mohd. Tajuddin bin Haji Yahaya.

Seramai 87 orang menerima Pingat Jasa Kebaktian.

Antara penerimanya ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian, Haji Khalid bin Yunus, seorang guru Encik Abdul Manaf bin Meon dan Pengetua Sekolah Menengah Sains, Negeri Sembilan, Encik Hanif bin Idris.

Baginda juga mengurniakan Pingat Khidmat Lama kepada 18 orang penerima.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

YANG di-Pertuan Besar Negeri Sembilan sedang mengalungkan bintang Darjah Sri Paduka Negeri Sembilan (SPNS) kepada Datuk Hussein di Balai Rong Seri Istana Besar, Sri Menanti, semalam.